

01 MAR 1997

Abdullah-OIC

M'SIA HARAP SIDANG OIC BERUSAHA SELESAI MASALAH POLITIK ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia berharap sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Teheran Disember ini akan membincangkan usaha ke arah memastikan keberkesanan pertubuhan itu dalam menyelesaikan masalah politik dan meningkatkan kemajuan anggotanya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau menyampaikan pandangan itu pada pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Iran Dr Ali Akbar Velayati di sini hari ini.

Velayati berada di Malaysia untuk menyampaikan jemputan Presiden Iran Hashemi Rafsanjani kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri mesyuarat itu.

Selain mesyuarat OIC di Teheran, Abdullah berkata negara-negara Islam juga akan bertemu pada persidangan khas OIC di Islamabad, Pakistan 23 Mac ini yang diadakan sempena sambutan ulangtahun ke-50 Pakistan. Malaysia akan diwakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8) akan turut mengadakan mesyuarat pada satu tarikh yang akan ditetapkan, katanya.

Abdullah ialah antara menteri daripada lapan negara iaitu Bangladesh, Mesir, Indonesia, Malaysia, Iran, Turki, Nigeria dan Pakistan yang menghadiri mesyuarat di Istanbul Januari lepas bagi membincangkan penubuhan D-8 yang dicadangkan Perdana Menteri Turki, Necmettin Erbakan.

"Kita berharap hasil daripada semua persidangan ini, kita akan lihat negara-negara Islam akan lebih maju di masa depan," katanya.

Abdullah berkata beliau dan Velayati turut membincangkan perkembangan terbaru di Afghanistan dan Asia Tengah terutamanya isu Palestin.

Beliau berharap inisiatif Iran bagi mencari penyelesaian di Afghanistan akan membuahkan hasil positif. -- BERNAMA

MAM AKD